

**PETIKAN MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI KE-698
PADA 26 FEBRUARI 2020 (RABU)
[sebagaimana disahkan pada 4 Mac 2020]**

MINIT 698.04(a) : Cadangan Pelaksanaan Pemakaian Pekeliling
Perbendaharaan PK 7 – Pengecualian Daripada Tatacara
Perolehan Kerajaan Yang Berkuatkuasa Pada 15 Julai 2019

Mesyuarat menimbang kertas ini dan-

- (a) mengambil perhatian pembentangan oleh Puan Norlian Ismail, Timbalan Bendahari, Pejabat Bursar mengenai cadangan pelaksanaan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan PK7 – Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan yang melibatkan PK7.1 hingga PK7.14 di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) termasuk UPMKB;
- (b) dimaklumkan bahawa pindaan utama PK 7 melibatkan had kuasa melulus perolehan dan penetapan supaya Jawatankuasa Penilaian diadakan bagi menilai perolehan yang melebihi RM20,000. Beberapa perkara penting juga diperincikan di dalam pindaan yang baharu berkaitan dengan Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan, Dokumen Perjanjian, Pesanan Belian dan pembayaran yang sebelum ini tidak dinyatakan di dalam pekeliling yang lama;
- (c) berdasarkan penelitian Pejabat Bursar, didapati kuasa melulus perolehan yang dibenarkan adalah berbeza-beza mengikut pekeliling yang berkaitan. Bagi memudahkan pelaksanaan dan sebagai tujuan pemantauan, Pejabat Bursar mencadangkan perkara berikut:

PERKARA	PEKELILING	CADANGAN
KUASA MELULUS	Pegawai Pengawal (PP) atau Pegawai yang diturunkan kuasa oleh PP secara bertulis mengikut had kuasa pekeliling berkaitan	<i>Naib Canselor menurunkan kuasa kepada Ketua PTJ sehingga RM20,000 sahaja dan Ketua PTJ tidak boleh menurunkan kuasa kepada pegawai lain</i>
JAWATANKUASA PENILAIAN	Agensi hendaklah menubuhkan satu jawatankuasa Penilaian untuk menilai perolehan yang melebihi RM20 ribu	<i>JK Penilaian di laksanakan di peringkat PTJ sehingga RM50 ribu ; JKPK7 untuk nilai melebihi RM50 ribu</i>

SULIT

PESANAN BELIAN	Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan AP 176.1(d) atau selewat- lewatnya dalam tempoh satu minggu selepas perkhidmatan diterima. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan ke atas pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.	<i>Mesti dikeluarkan KECUALI UNTUK :- PK7.5 - nilai sehingga RM500.00 PK7.4 - nilai sehingga RM1,000.00 dibenarkan guna Undertaking letter/tuntutan bayaran balik /PO</i>
---------------------------	---	---

- (d) mengambil kira cadangan daripada Pejabat Bursar seperti di subperenggan (c) di atas, YBhg. Prof. Datin Paduka Setia Dato' Naib Canselor **bersetuju meluluskan** cadangan pelaksanaan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan PK7 – Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan yang melibatkan PK7.1 hingga PK7.14 di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) termasuk UPMKB.

Tindakan: Bursar



PEJABAT BURSAR
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, 43400 UPM SERDANG SELANGOR

KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

**Cadangan Pelaksanaan Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan PK 7 –
Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan Yang Berkuatkuasa Pada
15 Julai 2019**

Tujuan

1. Kertas ini bertujuan untuk memohon pertimbangan pihak Pengurusan Universiti untuk menetapkan cadangan pelaksanaan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan PK7 – Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan yang melibatkan PK7.1 hingga PK7.14 di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) termasuk UPMKB.

Latar Belakang

2. PK 7 yang lama meliputi PK7.1 hingga PK 7.15 telah dibuat pindaan secara menyeluruh oleh pihak Perbendaharaan. PK7 sebelum ini melibatkan 15 jenis perolehan yang dikecualikan daripada tatacara perolehan kerajaan dan setelah pihak Perbendaharaan membuat semakan semula, terdapat 16 jenis perolehan yang telah disenaraikan seperti di dalam **Lampiran 1**. Empat (4) jenis perolehan telah dikeluarkan dan lima (5) jenis perolehan telah dimasukkan di dalam PK7 yang baharu.

Perkara Yang Dipinda Pada Pekeliling Yang Baharu

3. Pindaan utama yang dibuat adalah melibatkan had kuasa melulus perolehan serta menetapkan supaya Jawatankuasa Penilaian diadakan bagi menilai perolehan yang melebihi RM20 ribu. Beberapa perkara penting juga telah diperincikan di dalam pindaan yang baharu terutama yang berkaitan dengan Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan, Dokumen Perjanjian, Pesanan Belian dan pembayaran yang sebelum ini tidak dinyatakan di dalam pekeliling yang lama. Butiran lanjut adalah seperti di **Lampiran 2**.

Cadangan Pelaksanaan

4. Pejabat Bursar telah meneliti semua kuasa-kuasa melulus perolehan yang dibenarkan dan didapati ianya berbeza-beza mengikut pekeliling yang berkaitan. Bagi memudahkan pelaksanaan dan sebagai tujuan pemantauan, berikut adalah beberapa syor yang dikemukakan untuk pertimbangan seperti butiran di **Lampiran 2(a)**.

Syor

5. Pihak Pengurusan Universiti adalah dengan hormatnya diminta menimbang dan meluluskan cadangan pelaksanaan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan PK7 – Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan yang melibatkan PK7.1 hingga PK7.14 di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) termasuk UPMKB.

Disediakan Oleh
Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan
Pejabat Bursar
21 Februari 2020

CADANGAN PELAKSANAAN PEROLEHAN MENGGUNAKAN PK 7

PERKARA	PEKELILING	PILIHAN 1	PILIHAN 2	PILIHAN 3	SYOR
KUASA MELULUS	Pegawai Pengawal (PP) atau Pegawai yang diturunkan kuasa oleh PP secara bertulis mengikut had kuasa pekeliling berkaitan	Naib Canselor menurunkan kuasa kepada Ketua PTJ sehingga RM20,000 sahaja dan Ketua PTJ tidak boleh menurunkan kuasa kepada pegawai lain	Semua Kuasa Naib Canselor mengikut PK 7 yang berkenaan	Naib Canselor menurunkan kuasa kepada Ketua PTJ mengikut PK7 yang berkenaan dan Ketua PTJ tidak boleh menurunkan kuasa kepada pegawai lain	Naib Canselor menurunkan kuasa kepada Ketua PTJ sehingga RM20,000 sahaja dan Ketua PTJ tidak boleh menurunkan kuasa kepada pegawai lain
JAWATANKUASA PENILAIAN	Agensi hendaklah menubuhkan satu jawatankuasa Penilaian untuk menilai perolehan yang melebihi RM20 ribu	JK Penilaian di laksanakan di peringkat PTJ sehingga RM50 ribu ; JKPK7 untuk nilai melebihi RM50 ribu	JKPK7 yang dipusatkan di Pejabat Bursar	JK Penilaian di laksanakan di peringkat PTJ	JK Penilaian di laksanakan di peringkat PTJ sehingga RM50 ribu ; JKPK7 untuk nilai melebihi RM50 ribu
PESANAN BELIAN	Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan AP 176.1(d) atau selewat-lewatnya dalam tempoh satu minggu selepas perkhidmatan diterima. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan ke atas pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.	Mesti dikeluarkan KECUALI untuk :- PK7.5 - nilai yang kurang RM500.00 PK7.4 - boleh guna Undertaking letter/tuntutan bayaran balik/PO	Mesti dikeluarkan untuk semua nilai perolehan	Mesti dikeluarkan KECUALI / UNTUK :- PK7.5 - nilai sehingga RM500.00 PK7.4 - nilai sehingga RM1,000.00 dibenarkan guna Undertaking letter/tuntutan bayaran balik /PO	Mesti dikeluarkan KECUALI / UNTUK :- PK7.5 - nilai sehingga RM500.00 PK7.4 - nilai sehingga RM1,000.00 dibenarkan guna Undertaking letter/tuntutan bayaran balik /PO